



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

PROGRAM HARI DIGITAL PERPADUAN TAHUN 2024

KUALA LUMPUR, 7 November 2024 – YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara hari ini telah menyempurnakan Program Hari Digital Perpaduan Tahun 2024 di Auditorium Jabatan Muzium Malaysia. Program ini turut disiarkan secara langsung melalui laman Facebook rasmi Kementerian Perpaduan Negara (KPN).

Program ini diadakan bertujuan untuk **menyampaikan maklumat secara terus berkaitan perkhidmatan pendigitalan yang disediakan sekali gus mendidik dan meningkatkan kesedaran keselamatan siber dalam kalangan warga KPN.**

Tema bagi sambutan ini iaitu “**Digitalisasi Warisan: Mengangkat Perpaduan Menerusi Inovasi**” bertepatan dengan peranan KPN dalam memperkukuh agenda digitalisasi negara melalui pelbagai inisiatif projek Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) bagi meningkatkan kecekapan pentadbiran kerajaan serta menyokong pembangunan masyarakat yang inklusif dan bersepadu.

Dalam ucapannya, Ybhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam berkata, kepentingan digitalisasi dalam era moden menekankan bahawa teknologi digital bukan sekadar satu keperluan tetapi menjadi asas kepada perkembangan ekonomi dan daya saing Malaysia di peringkat global. Contohnya, dalam menerapkan budaya penggunaan Kecerdasan Buatan (AI) dan *Internet of Things* (IoT) di KPN serta jabatan dan agensi, Jabatan Muzium Malaysia (JMM) telah melaksanakan inisiatif rintis digital untuk mereformasikan perkhidmatannya melalui penggunaan *emerging technologies* dengan membangunkan penggunaan *IoT* dalam pemantauan iklim repositori muzium agar kondisi muzium sentiasa terpelihara dan dalam keadaan yang baik.

Penganjuran program ini turut membolehkan peserta meningkatkan pengetahuan melalui ceramah dan meneroka teknologi digital melalui pameran daripada agensi dan pemain industri ICT tempatan.

Kementerian Perpaduan Negara

7 November 2024